

Malaysia, Chile setuju bincang wujud FTA

Abdullah, Bachelet pertingkat kerjasama perdagangan dua hala

Daripada Azhar Abu Samah

HANOI: Malaysia dan Chile semalam mengumumkan persetujuan kedua-dua negara untuk memulakan perbincangan mewujudkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang bertujuan meningkatkan kerjasama bagi menggalakkan perdagangan dan pelaburan selaras kehendak Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Persetujuan itu dicapai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Chile, Michele Bachelet mengadakan perbincangan dua hala ketika menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Pusat Konvensyen Nasional (NCC) Vietnam, di sini.

Menurut kenyataan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) dikeluarkan selepas mesyuarat itu, kandungan FTA itu bersifat komprehensif membabitkan liberalisasi perdagangan untuk barang dan perkhidmatan serta pelaburan.

"FTA ini juga bertujuan meningkatkan kerjasama untuk menggalak dan memudahkan perdagangan pelbagai hala dan aliran pelaburan di antara kedua-dua negara," katanya.

Sebelum ini, pada 18 November 2005, Abdullah dan Presiden Chile ketika itu, Ricardo Lagos pada Sidang Kemuncak Apec di Busan, Korea Selatan bersetuju untuk kedua-dua negara menjalankan kajian kemungkinan ke arah FTA. Kajian bersama itu disasarkan selesai menjelang Oktober 2006.

Kenyataan itu menyebut, keputusan kajian itu dikemukakan kepada Kabinet pada 8 November lalu untuk dipertimbangkan. Berikutan itu, Kabinet membuat keputusan meneruskan perbincangan bagi membolehkan FTA di antara Malaysia dan Chile dapat dimuktamadkan.

Ketika ini, Chile menjadi rakan dagang ketiga terbesar Malaysia di Latin Amerika dan FTA itu mempunyai potensi meningkatkan perdagangan, aliran pelaburan dan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

"Perjanjian ini akan membolehkan Malaysia menjadikan Chile sebagai pintu masuk untuk meneroka pasaran benua Amerika Latin yang mempunyai penduduk seramai 550 juta dan import bernilai AS\$298 billion (RM1.132 trilion).

Pada 2005, nilai dagangan antara

Malaysia dan Chile meningkat kepada RM893.5 juta daripada RM883 juta. Imbangan perdagangan ketika ini memihak kepada Chile iaitu RM235.7 juta.

Sebelum itu, pada sebelah pagi,

FAKTA NOMBOR

Nilai dagangan Malaysia, Chile

RM893.5j

Pada 2005

RM235.7j

Imbangan perdagangan Chile

Abdullah menyertai sesi perbincangan Ketua-Ketua Negara Asia Apec dengan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush dan menyampaikan ucpatama Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Apec.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri mengadakan mesyuarat dengan Presiden dan CEO Dewan Perdagangan Amerika Syarikat, Thomas Donahue di Hotel Horison, di sini.

Sementara itu, Bush dalam temuannya dengan Ketua-Ketua Negara Asia Apec menegaskan sokongannya kepada negara Asia dalam usaha mengekalkan keamanan dan pembangunan di rantau ini.

Kenyataan Apec dikeluarkan selepas mesyuarat itu, berkata semua pemimpin Asia terbabit juga me-

nyambut baik pengumuman Amerika Syarikat bahawa ia akan membantu secara praktikal bagi menangani pelbagai masalah yang mungkin timbul dirantau ini.

Mesyuarat yang turut dihadiri Sultan Brunei, Sultan Hasanal Bolkia; Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono, Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo; Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong; Perdana Menteri Thailand, Jen Surayud Chulanont dan Presiden Vietnam, Nguyen Minh Triet juga menyentuh soal politik antarabangsa dan serantau, ekonomi dan keselamatan membabitkan Apec, cabaran mengenai keselamatan bencana, penyakit berjangkit, keganasan dan jenayah melampau sempadan serta isu nuklear Korea Utara.